

PROGRAM MEMFAIL BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN (BNCP) BAGI TAHUN 2017

1. PENGEMUKAAN BORANG BE, B, BT, M, MT, P, TP, TJ DAN TF BAGI TAHUN TAKSIRAN 2016

1.1 Tarikh Akhir Pengemukaan BNCP Tahun Taksiran 2016

Borang	Tarikh Akhir Pengemukaan BNCP	
	Tidak Menjalankan Perniagaan	Menjalankan Perniagaan
BE	30 April 2017	–
B dan P	–	30 Jun 2017
BT, M / MT, TP, TJ dan TF	30 April 2017	30 Jun 2017

1.2 Tambahan Masa Untuk Pengemukaan BNCP Tahun Taksiran 2016

Borang	Kaedah Pengemukaan	Tambahan Masa
e-BE, m-BE, e-B / BT, e-M / MT, e-P dan e-TF	e-Filing	15 hari
BE, B / BT, M / MT, P, TP, TJ dan TF	Melalui pos	3 hari bekerja
	Secara serahan tangan	Tiada

1.2.1 BNCP yang dikemukakan melalui e-Filing / pos selepas tarikh akhir pengemukaan BNCP berkenaan dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika ia diterima dalam tempoh tambahan masa selepas tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut.

1.2.2 Kegagalan mengemukakan dalam tempoh yang dibenarkan membolehkan penalti di bawah subseksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) dikenakan berdasarkan tarikh akhir pengemukaan BNCP berkenaan.

Contoh:

Tarikh akhir pengemukaan Borang BE Tahun Taksiran 2016 adalah 30 April 2017.

Tambahan masa diberikan sehingga 15 Mei 2017 bagi e-Filing Borang BE (Borang e-BE) Tahun Taksiran 2016.

Jika pembayar cukai mengemukakan Borang e-BE Tahun Taksiran 2016 pada 16 Mei 2017, BNCP tersebut akan dianggap sebagai lewat diterima mulai 1 Mei 2017 dan boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967.

1.2.3 Tambahan masa ini juga terpakai untuk bayaran baki cukai di bawah subseksyen 103(1) ACP 1967 bagi BNCP yang dikemukakan melalui e-Filing / pos.

1.3 Sistem e-Filing Borang BE, B, BT, M, MT, P dan TF Tahun Taksiran 2016

Sistem e-Filing bagi individu, perkongsian dan pertubuhan disediakan mulai tarikh berikut:

Borang	e-Filing	e-Filing Ejen Cukai (TAeF)
e-BE, m-BE, e-B / BT, e-M / MT, e-P dan e-TF	1 Mac 2017	1 Mac 2017

2. PENGEMUKAAN BORANG C, C1, PT, TA, TC, TR DAN TN BAGI TAHUN TAKSIRAN 2017

2.1 Tarikh Akhir Pengemukaan BNCP Tahun Taksiran 2017

Mengikut peruntukan subseksyen 77A(1) dan 103(1) ACP 1967, pengemukaan BNCP berkenaan serta pembayaran baki cukai perlu dibuat selewat-lewatnya pada hari terakhir bulan ketujuh daripada tarikh yang berikutan dengan tarikh penutupan tempoh perakaunan syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi.

2.2 Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Amanah Dan Koperasi Yang Dorman *

- 2.2.1 Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang dorman * hendaklah mengemukakan BNCP (termasuk Borang E).
- 2.2.2 Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang belum memulakan operasi tidak perlu mengemukakan Borang CP204.
- 2.2.3 Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang memiliki saham, harta tanah, simpanan tetap dan pelaburan yang seumpamanya, tidak dianggap sebagai dorman.
- 2.2.4 Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah dan koperasi yang mengemukakan maklumat yang tidak benar adalah tertakluk kepada peruntukan seksyen 113 dan seksyen 114 ACP 1967.
- 2.2.5 Bagi tujuan pengemukaan secara e-Filing (e-C), syarikat dorman * perlu mengisi BNCP seperti dikehendaki berikut:

(i)	Tempoh Perakaunan	Pengisian adalah mandatori. Tempoh perakaunan adalah seperti dilaporkan dalam penyata tahunan kepada SSM.
(ii)	Tempoh Asas	Pengisian adalah mandatori.
(iii)	Pendapatan Berkanun Perniagaan / Perkongsian	Pengisian kedua-dua ruang adalah mandatori sekiranya salah satu diisi.
(iv)	Kod Perniagaan	

* **Nota:-** Bagi maksud di atas, 'dorman' bererti:

- i) Tidak pernah beroperasi sejak tarikh ia diperbadankan / ditubuhkan; atau
- ii) Pernah beroperasi atau menjalankan perniagaan tetapi telah berhenti operasi atau perniagaan.

2.3 Tambahan Masa Untuk Pengemukaan BNCP Tahun Taksiran 2017

Borang	Kaedah Pengemukaan	Tambahan Masa
e-C	e-Filing (wajib)	1 bulan
e-C1	e-Filing	1 bulan
C1, PT, TA, TC, TR dan TN	Melalui pos	3 hari bekerja
	Secara serahan tangan	Tiada

- 2.3.1 BNCP yang dikemukakan melalui e-Filing / pos selepas tarikh akhir pengemukaan BNCP berkenaan dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika ia diterima dalam tempoh tambahan masa selepas tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut.

2.3.2 Kegagalan mengemukakan dalam tempoh yang dibenarkan membolehkan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 dikenakan berdasarkan tarikh akhir pengemukaan BNCP berkenaan.

Contoh I:

Tempoh perakaunan syarikat berakhir pada 28 Februari 2017.

Tarikh akhir pengemukaan BNCP syarikat (Borang e-C) Tahun Taksiran 2017 adalah 30 September 2017.

Tambahan masa diberikan sehingga 31 Oktober 2017.

Sekiranya syarikat mengemukakan BNCP tersebut pada 1 November 2017, BNCP tersebut akan dianggap sebagai lewat diterima mulai 1 Oktober 2017 dan boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967.

Contoh II:

Tempoh perakaunan koperasi berakhir pada 28 Februari 2017.

Tarikh akhir pengemukaan BNCP koperasi (Borang C1) Tahun Taksiran 2017 adalah 30 September 2017.

Tambahan masa diberikan sehingga 4 Oktober 2017.

Sekiranya koperasi mengemukakan BNCP tersebut melalui pos pada 5 Oktober 2016, BNCP tersebut akan dianggap sebagai lewat diterima mulai 1 Oktober 2017 dan boleh dikenakan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967.

2.3.3 Tambahan masa ini juga terpakai untuk bayaran baki cukai di bawah subseksyen 103(1) ACP 1967 bagi BNCP yang dikemukakan melalui e-Filing / pos.

2.4 Sistem e-Filing Bagi Pengemukaan BNCP Syarikat (Borang e-C) Tahun Taksiran 2017

Sistem e-Filing bagi syarikat akan disediakan mulai tarikh berikut:

Borang	e-Filing	e-Filing Ejen Cukai (TAeF)
e-C	1 April 2017	1 April 2017
e-C1	1 Ogos 2017	1 Ogos 2017

3. BORANG E BAGI TAHUN SARAAAN 2016

3.1 Tarikh Akhir Pengemukakan Borang E

Subseksyen 83(1) ACP 1967 menetapkan bahawa Borang E perlu dikemukakan oleh setiap majikan sebelum atau pada 31 Mac 2017. **Borang E hanya dianggap lengkap jika C.P. 8D dikemukakan sebelum atau pada tarikh akhir pengemukakan borang.**

3.2 Tambahan Masa Untuk Pengemukakan Borang E Bagi Tahun Saraan 2016

Borang	Kaedah Pengemukakan	Tambahan Masa
e-E	e-Filing *	Sehingga 30 April 2017
E	Melalui pos	3 hari bekerja
	Secara serahan tangan	Tiada

* Majikan yang terdiri daripada syarikat diwajibkan mengemukakan Borang E secara e-Filing (Borang e-E) mulai Tahun Saraan 2016.

3.2.1 Borang E yang dikemukakan melalui e-Filing / pos selepas tarikh akhir pengemukaannya dianggap sebagai telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan jika ia diterima dalam tempoh sebelum atau pada **30 April 2017 (e-Filing) / dalam tempoh 3 hari bekerja (pos).**

3.2.2 Kegagalan mengemukakan dalam tempoh yang dibenarkan membolehkan kompaun di bawah perenggan 120(1)(b) ACP 1967 dikenakan berdasarkan tarikh akhir pengemukakan borang tersebut.

3.3 Sistem e-Filing Untuk Pengemukakan Borang E Bagi Tahun Saraan 2016

Sistem e-Filing bagi majikan disediakan mulai tarikh berikut:

Borang	e-Filing	e-Filing Ejen Cukai (TAeF)
e-E	1 Mac 2017	1 Mac 2017

3.4 Penyerahan Borang C.P. 8A / C.P. 8C (EA / EC) Kepada Pekerja

Mengikut peruntukan subseksyen 83(1A) ACP 1967, majikan dikehendaki menyediakan Borang C.P. 8A / C.P. 8C (EA / EC) bagi tahun berakhir 2016 dengan lengkap dan memberikan borang tersebut kepada semua pekerja sebelum atau pada **28 Februari 2017.**

3.5 Tatacara Pengemukakan Borang E Dan C.P. 8D

3.5.1 Borang hendaklah dikemukakan ke Pusat Pemrosesan Maklumat.

3.5.2 Borang C.P. 8D boleh dikemukakan melalui kaedah berikut:-

- (a) Secara e-Filing jika Borang E dikemukakan secara e-Filing;
- (b) Mengemukakan fail txt dalam cakera padat (CD) dengan spesifikasi data seperti di Bahagian A Lampiran;
- (c) Mengemukakan fail Microsoft Excel dalam CD mengikut spesifikasi seperti di Bahagian B Lampiran; atau
- (d) Penghantaran borang kertas C.P. 8D.

3.5.3 Pengemukakan secara e-Filing adalah digalakkan. Majikan yang tidak mengguna kaedah e-Filing disarankan untuk mengemukakan C.P. 8D melalui kaedah 3.5.2(b) atau 3.5.2(c) di atas terutama sekali bagi majikan yang mempunyai **20 orang atau lebih pekerja**.

3.5.4 Majikan yang telah menghantar maklumat melalui e-Data Praisi tidak perlu mengisi dan menghantar Borang C.P.8D.

3.6 Kelulusan Bagi Menggunakan Borang EA, Borang EC dan Format C.P. 8D Versi Lama Bagi Tahun Saraan 2016 Sahaja

Tempoh diberikan kepada majikan untuk melaksanakan pindaan sistem mengikut versi 2016 borang-borang / format tersebut. Oleh itu, majikan dibenarkan membuat pilihan sama ada menggunakan versi lama atau versi 2016 borang-borang / format tersebut bagi Tahun Saraan 2016. Borang-borang / format versi lama yang dibenarkan untuk kegunaan bagi **Tahun Saraan 2016 sahaja** adalah:-

- a) **Borang EA (C.P. 8A - Pin. 2010)**
- b) **Borang EC (C.P. 8C - Pin. 2010)**
- c) **Format C.P. 8D - Pin. 2015**

Penghantaran format C.P. 8D - Pin. 2015 boleh dibuat melalui salah satu kaedah berikut:

- i) **e-Filing** (format fail txt); atau
- ii) **Cakera padat (CD)** (format fail txt atau Microsoft Excel).

Walau bagaimanapun, majikan dikehendaki menggunakan **versi Bahasa Malaysia Borang E (CP8-Pin. 2016)** untuk tujuan pengemukakan kepada LHDNM bagi **Tahun Saraan 2016**.

3.7 Format C.P. 8D - Kaedah Pengemukakan Oleh Majikan Bagi Tahun Saraan 2016

Majikan dikehendaki mengemukakan format C.P. 8D kepada LHDNM melalui salah satu kaedah yang dinyatakan berikut:

Bil.	Majikan	Kaedah Pengemukakan C.P. 8D Yang Dibenarkan /	
		C.P. 8D - Pin. 2016 (Versi Semasa)	C.P. 8D - Pin. 2015 (Versi Lama)
i.	Syarikat (termasuk Syarikat Labuan)	a) Bersama Borang e-E (e-Filing) b) Melalui e-Data Praisi c) Cakera Padat / <i>Compact Disc</i>	a) Bersama Borang e-E (e-Filing) b) Cakera Padat
ii.	Bukan Syarikat	a) Bersama Borang e-E (e-Filing) b) Bersama Borang E Kertas c) Melalui e-Data Praisi d) Cakera Padat	
Nota:		Majikan yang telah menghantar maklumat melalui e-Data Praisi tidak perlu mengisi dan menghantar Borang C.P.8D.	

3.8 Praisi Maklumat Gaji Pada e-Filing

Bagi memantapkan lagi sistem e-Filing seiring dengan perkembangan teknologi semasa, LHDNM sedang berusaha untuk mendapatkan maklumat gaji pembayar cukai melalui majikan. Ia adalah untuk memudahkan pembayar cukai menggunakan e-Filing di mana praisi telah dibuat pada borang e-Filing. Apabila pembayar cukai menggunakan e-Filing, maklumat tersebut boleh dipinda jika terdapat sebarang perubahan sebelum tandatangan dan hantar borang secara elektronik.

Majikan digalakkan mengemukakan maklumat tersebut secara dalam talian melalui e-Data Praisi yang boleh dicapai melalui Portal Rasmi LHDNM **sebelum atau pada 22 Februari 2017**. Format untuk **Layout Maklumat Praisi** boleh diperolehi dari Portal Rasmi LHDNM. Bagi memastikan maklumat mengikut format, semakan format boleh dibuat melalui e-Data Praisi. Maklumat yang dikemukakan boleh diterima sebagai maklumat C.P. 8D bagi Borang E. Majikan yang telah menghantar maklumat melalui e-Data Praisi tidak perlu mengisi dan menghantar Borang C.P. 8D.

Sebarang pertanyaan boleh dihantar ke bantuan_praisi@hasil.gov.my .

4. LANJUTAN MASA TIDAK LAGI DIBENARKAN BAGI PENGEMUKAAN BNCP

Lanjutan masa TIDAK lagi dibenarkan bagi pengemukaan semua BNCP (termasuk borang elektronik).

Borang	Tarikh Kuat Kuasa
Borang E, BE, B, BT, M, MT, P dan TF (termasuk borang elektronik)	Mulai Tahun Taksiran 2015
Borang TP dan TJ	
Borang e-C, C1, PT, TA, TC, TR dan TN	Mulai Tahun Taksiran 2016

5. KES TUNTUTAN BAYARAN BALIK

5.1 Lampiran / Helaian Kerja

Lampiran / Helaian kerja yang digunakan untuk pengiraan tidak perlu dikemukakan bersama-sama dengan BNCP. Hanya lampiran atau helaian kerja bagi kes bayaran balik seperti berikut sahaja yang perlu dikemukakan:

- (a) Lampiran B2 / HK-6 berkenaan tolakan cukai seksyen 110 ACP 1967 (lain-lain);
- (b) Lampiran B3 / HK-8 berkenaan tuntutan pelepasan cukai di bawah seksyen 132 ACP 1967; atau
- (c) Lampiran B4 / HK-9 berkenaan tuntutan pelepasan cukai di bawah seksyen 133 ACP 1967.

5.2 Dokumen Lain

Dokumen lain yang berkaitan dengan tolakan cukai seksyen 110 ACP 1967 (lain-lain) dan potongan cukai yang dibuat di negara asing hanya perlu dikemukakan jika diminta untuk tujuan audit.

6. PENGURANGAN KADAR PENALTI SUBSEKSYEN 112(3) ACP 1967 BAGI KES SELAIN SYARIKAT DIMANSUHKAN

Pengurangan kadar penalti sebanyak 5% DIMANSUHKAN mulai Tahun Taksiran 2016 bagi BNCP selain syarikat yang dikemukakan lewat secara e-Filing.

**7. KELONGGARAN BAGI TUJUAN BAYARAN CUKAI DI BAWAH
SUBSEKSYEN 103(2) ACP 1967**

Tambahan Masa Untuk Bayaran Cukai / Baki Cukai

Bagi taksiran yang dibangkitkan di bawah seksyen 91, 92, 96A dan subseksyen 90(2A), 90(3), 101(2) ACP 1967, cukai / baki cukai hendaklah dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh taksiran. Walau bagaimanapun, tambahan masa 7 hari adalah dibenarkan.

Nota: Program ini terpakai sehingga program bagi tahun berikutnya dikeluarkan.



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

LAYOUT MAKLUMAT C.P. 8D - Pin. 2016

PENYATA SARAAN DARIPADA PENGGAJIAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 DAN MAKLUMAT MENGENAI POTONGAN CUKAI DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN DARIPADA SARAAN) 1994

BAHAGIAN A:

PANDUAN PENGEMUKAAN MAKLUMAT C.P. 8D DALAM FAIL TXT

MAKLUMAT MAJIKAN

MAKLUMAT	JENIS	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
No. Majikan	Integer	10	No. E majikan. Diisi tanpa E di hadapan	2900030000
Nama Majikan	<i>Variable character</i>	80	Nama majikan seperti yang dilaporkan kepada LHDNM	Syarikat Bina Jaya
Saraan Bagi Tahun	Integer	4	Tahun saraan berkenaan	2016

Contoh data txt :

2900030000|Syarikat Bina Jaya|2016

Nota: Setiap medan diasingkan dengan *delimiter* | dan disimpan dalam fail txt.

MAKLUMAT PEKERJA

MAKLUMAT	JENIS	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
Nama Pekerja	<i>Variable character</i>	60	Nama seperti dalam kad pengenalan.	Ali bin Ahmad
No. Cukai Pendapatan	Integer	11	No. cukai pendapatan seperti yang diberikan oleh LHDNM. Jika pekerja tiada no. cukai pendapatan, ruangan ini dibiarkan tanpa diisi.	03770324020
No. Pengenalan / Pasport	<i>Variable character</i>	12	Keutamaan diberikan kepada No. K/P baru diikuti dengan No. Polis, No. Tentera dan No. Pasport. No. Pasport digunakan untuk warganegara asing.	730510125580 atau A2855084 atau T0370834
Kategori Pekerja	Integer	1	<p>Kategori Pekerja (Seperti dalam Jadual PCB):-</p> <p>~ Kategori 1: Bujang</p> <p>~ Kategori 2: Berkahwin dan suami atau isteri tidak bekerja</p> <p>~ Kategori 3: Berkahwin dan suami atau isteri bekerja, bercerai atau kematian suami atau isteri, atau bujang yang mempunyai anak angkat</p> <p>Jika status berubah contohnya daripada Kategori 1 kepada Kategori 3, isikan Kategori Pekerja yang terkini.</p>	<p>Pekerja berkahwin pada 24 Jun 2016 dan isterinya bekerja.</p> <p>Kategori Pekerja yang terkini bagi pekerja tersebut adalah '3'.</p>
Cukai Ditanggung Oleh Majikan	Integer	1	Isikan 1 atau 2 iaitu: 1 = Ya 2 = Tidak	<p>Cukai pendapatan pekerja tidak ditanggung oleh majikan.</p> <p>Isikan '2' bagi pekerja tersebut.</p>
Bilangan Anak Yang Layak Untuk Pelepasan Cukai	Integer	2	Isikan bilangan anak yang layak untuk tuntutan pelepasan cukai.	<p>Bilangan anak = 2 orang.</p> <p>1 orang anak berumur 22 tahun telah berkahwin dan 1 orang anak lagi masih bersekolah.</p> <p>Bilangan anak yang layak untuk pelepasan cukai = 1</p>

MAKLUMAT	JENIS	PANJANG	PENERANGAN	CONTOH
Jumlah Pelepasan Bagi Anak Yang Layak	Desimal	7	Jumlah pelepasan bagi anak yang layak adalah sama seperti jumlah pelepasan anak yang dikira bagi tujuan PCB. Jumlah ini adalah tanpa nilai sen.	Jumlah pelepasan anak yang layak bagi pekerja tersebut adalah RM2000 (dilaporkan sebagai 2000).
Jumlah Saraan Kasar	Desimal	11	Jumlah saraan kasar adalah tanpa nilai sen.	RM50000.70 dan RM50000.20 dilaporkan sebagai 50000
Manfaat Berupa Barangan	Desimal	11	Jumlah nilai manfaat berupa barangan yang disediakan oleh majikan adalah tanpa nilai sen.	RM4200.80 dan RM4200.10 dilaporkan sebagai 4200
Nilai Tempat Kediaman	Desimal	11	Jumlah nilai manfaat tempat kediaman yang disediakan oleh majikan di Malaysia adalah tanpa nilai sen.	RM12000.90 atau RM12000.20 dilaporkan sebagai 12000
Manfaat Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS)	Desimal	11	Jumlah nilai manfaat ESOS adalah tanpa nilai sen.	RM1300.80 atau RM1300.30 dilaporkan sebagai 1300
Elaun / Perkuisit / Pemberian / Manfaat Yang Dikecualikan Cukai	Desimal	11	Jumlah elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang dikecualikan cukai adalah tanpa nilai sen.	RM445.60 dan RM445.20 dilaporkan sebagai 445
Jumlah Tuntutan Pelepasan Oleh Pekerja Melalui Borang TP1	Desimal	11	Jumlah tuntutan pelepasan oleh pekerja melalui Borang TP1 adalah tanpa nilai sen.	RM2200.50 dan RM2200.10 dilaporkan sebagai 2200
Jumlah Tuntutan Bayaran Zakat Oleh Pekerja Melalui Borang TP1	Desimal	11	Jumlah bayaran zakat (SELAIN yang dibayar melalui potongan gaji bulanan) yang dituntut oleh pekerja melalui Borang TP1. Jumlah ini ada nilai sen.	RM1400.30 dilaporkan sebagai 1400.30
Caruman Kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Desimal	6	Jumlah caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah tanpa nilai sen.	RM3600.90 dan RM3600.30 dilaporkan sebagai 3600
Zakat Yang Dibayar Melalui Potongan Gaji	Desimal	11	Jumlah bayaran zakat melalui potongan gaji ada nilai sen.	RM1700.20 dilaporkan sebagai 1700.20
PCB	Desimal	11	Jumlah PCB ada nilai sen.	RM2555.25 dilaporkan sebagai 2555.25
CP38	Desimal	11	Jumlah CP38 ada nilai sen.	RM1822.63 dilaporkan sebagai 1822.63

Contoh data txt 1:

Maklumat seperti contoh dalam jadual di atas:

Ali bin Ahmad|03770324020|730510125580|3|2|1|2000|50000|4200|12000|1300|445|2200|1400.30|3600|1700.20|2555.25|1822.63

Contoh data txt 2:

Maklumat seperti contoh dalam jadual di atas tetapi dengan pindaan maklumat seperti berikut:

- Pekerja tidak mendapat manfaat tempat kediaman yang disediakan oleh majikan.
- Pekerja tidak menerima manfaat ESOS daripada majikan.
- Tiada potongan cukai pendapatan melalui CP38 untuk pekerja tersebut.

Ali bin

Ahmad|03770324020|730510125580|3|2|1|2000|50000|4200||445|2200|1400.30|3600|1700.20|2555.25|

Nota: Setiap medan diasingkan dengan *delimiter* | dan disimpan dalam fail txt.

BAHAGIAN B:

PANDUAN PENGEMUKAAN MAKLUMAT C.P. 8D DALAM MICROSOFT EXCEL

1. LHDNM telah menyediakan format C.P. 8D dalam bentuk Microsoft Excel 2003 untuk kemudahan majikan menyediakan data tersebut. Program tersebut boleh diperoleh melalui Portal Rasmi LHDNM.
2. Majikan yang telah menghantar maklumat melalui e-Data Praisi tidak perlu mengisi dan menghantar Borang C.P. 8D.
3. Media yang boleh digunakan ialah cakera padat (CD).
4. Majikan yang menggunakan kemudahan Microsoft Excel yang dibekalkan oleh LHDNM perlu menamakan fail mengikut piawaian seperti berikut :

YYHHHHHHHHHH_TTTT.XLS

YY : maklumat majikan dan pekerja (MP)

HHHHHHHHHH : no. E

TTTT : tahun saraan

Contoh: Majikan dengan No. E 2900030000 untuk tahun 2016 yang menggunakan Microsoft Excel.

Satu (1) fail akan dihantar kepada LHDNM dengan nama **MP2900030000_2016.XLS**

5. Bagi majikan yang mempunyai sistem berkomputer sendiri dan mempunyai bilangan pekerja yang ramai, mereka digalakkan untuk menyediakan data tersebut dalam bentuk txt mengikut format yang disediakan di atas (Bahagian A).

6. Bagi majikan yang memilih untuk tidak menggunakan Microsoft Excel, maklumat majikan dan pekerja akan disimpan dalam 2 fail berbeza. Walau bagaimanapun, ia perlu dimasukkan ke dalam CD yang sama dan menggunakan nama fail mengikut piawaian di bawah:

YHHHHHHHHHHH_TTTT.TXT

Y : maklumat majikan (M) **atau** pekerja (P)
 HHHHHHHHHHHH : no. E
 TTTT : tahun saraan

Contoh: Majikan dengan No. E 2900030000 untuk tahun 2016 yang menghantar fail txt.

Dua (2) fail akan dihantar kepada LHDNM dengan nama:

- (i) **M2900030000_2016.txt** - mengandungi maklumat majikan
- (ii) **P2900030000_2016.txt** - mengandungi maklumat pekerja

Panduan Ralat Dan Paparan Mesej Kesalahan Semasa Menggunakan Format Microsoft Excel Yang Dibekalkan:

Bil.	RALAT	MESEJ KESALAHAN
1.	No. Majikan: (No. E) Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 10 digit.	1. Nilai yang diterima adalah digit 2. Bilangan digit melebihi 10 digit
2.	Nama Majikan: Memasukkan nama majikan melebihi 80 aksara.	Panjang melebihi 80 aksara
3.	Saraan Bagi Tahun: Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 4 digit.	Nilai bukan digit atau melebihi 4 digit
4.	Nama Pekerja: Memasukkan nama pekerja melebihi 60 aksara.	Panjang melebihi 60 aksara
5.	No. Cukai Pendapatan: Memasukkan nilai bukan digit atau melebihi 11 digit.	Nilai yang dimasukkan bukan digit atau melebihi 11 digit
6.	No. Pengenalan / Pasport: Memasukkan maklumat melebihi 12 aksara.	Panjang melebihi 12 aksara
7.	Kategori Pekerja: Memasukkan maklumat bukan digit atau melebihi 1 digit.	Kategori yang dimasukkan bukan digit atau melebihi 1 digit
8.	Cukai Ditanggung Oleh Majikan: Memasukkan maklumat bukan digit atau melebihi 1 digit.	Maklumat yang dimasukkan bukan digit atau melebihi 1 digit
9.	Bilangan Anak Yang Layak Untuk Pelepasan Cukai: Memasukkan maklumat bukan digit atau melebihi 2 digit.	Bilangan yang dimasukkan bukan digit atau melebihi 2 digit

Bil.	RALAT	MESEJ KESALAHAN
10.	Jumlah Pelepasan Bagi Anak Yang Layak: Memasukkan nilai melebihi 7 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 7 digit atau mengandungi nilai sen.
11.	Jumlah Saraan Kasar: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
12.	Manfaat Berupa Barangan: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
13.	Nilai Tempat Kediaman: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
14.	Manfaat Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS): Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
15.	Elaun / Perkuisit / Pemberian / Manfaat Yang Dikecualikan Cukai: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
16.	Jumlah Tuntutan Pelepasan Oleh Pekerja Melalui Borang TP1: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau mengandungi nilai sen.
17.	Jumlah Tuntutan Bayaran Zakat Oleh Pekerja Melalui Borang TP1: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.
18.	Caruman Kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja: Memasukkan nilai melebihi 6 digit atau mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 6 digit atau mengandungi nilai sen.
19.	Zakat Yang Dibayar Melalui Potongan Gaji: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.
20.	PCB: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.
21.	CP38: Memasukkan nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.	Nilai melebihi 11 digit atau tidak mengandungi nilai sen.